

Suhaimi: Kaum Cina negara ini perlu sokong BN

PULAU PINANG, Ahad — Rakyat keturunan Cina di negara ini perlu memberi sokongan sepenuhnya kepada Barisan Nasional yang dapat memberi bantuan dan pertolongan kepada mereka, kata Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Datuk Haji Suhaimi Datuk Haji Kamaruddin hari ini.

Datuk Haji Suhaimi memberitahu pemberita, rakyat keturunan Cina akan kecewa jika mereka mengharapkan pertolongan dan bantuan dari DAP.

Bellau berkata, DAP tidak mempunyai kemampuan untuk membantu rakyat keturunan Cina kerana parti itu merupakan parti ekstrimis.

Keadaan ini, ujar Datuk Haji Suhaimi, patut disedari oleh masyarakat keturunan Cina bagi menjamin kestabilan politik negara ini.

Datuk Haji Suhaimi berkata demikian selepas merasmikan kursus politik anjuran Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Permatang Pauh di Dewan Pelbagaiguna Kepala Bukit, empat batu dari Bukit Mertajam pagi tadi.

Seramal 250 orang ahli pergerakan itu hadir termasuk juga perwakilan dari Pergerakan Wanita.

Datuk Haji Suhaimi berkata, dasar Barisan Nasional ialah untuk

terus mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat seluruh negara.

Bellau berkata, jika DAP tidak wujud, usaha untuk mencapai perpaduan di negara seperti yang menjadi hasrat kerajaan akan dapat dicapai dengan secepat mungkin.

Datuk Haji Suhaimi berkata, rakyat telah matang sungguhpun Parti DAP wujud.

Menyentuh tentang desakan Presiden Parti Gerakan, Datuk Dr. Lim Kheng Yaiik supaya kerajaan merombak semula Lembaga Perpaduan Negara untuk membolehkan matlamat tersebut dilaksanakan dengan sebaik-baiknya, Datuk Haji Suhaimi berkata, saranan tersebut perlu ditimbang.

Semasa merasmikan kursus itu, Datuk Haji Suhaimi berkata, kestabilan politik negara akan dapat dikekalkan selagi formula "Melayu teras negara dan UMNO teras politik terus wujud."

Dua formula ini tegasnya, menjadi falsafah kepada UMNO sejak diasaskan dalam tahun 1946.

Datuk Haji Suhaimi menegaskan, keadaan politik negara akan menjadi kucar kacir jika dua formula itu dipecahkan.

Oleh kerana itu tegasnya, orang Melayu hendaklah bersatu mengukuhkan lagi UMNO.